


**SOALAN LAZIM/ FREQUENTLY ASKED QUESTIONS (FAQ)
PROGRAM MyLESEN GDL LORI TAHUN 2024**

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah Program MyLesen GDL Lori Tahun 2024?	Program MyLesen GDL Lori Tahun 2024 adalah satu inisiatif Kerajaan bagi memperkasa 750 orang penerima (atau tanggungan) bantuan golongan B40 bagi mendapatkan Lesen Vokasional Malaysia bagi Kelas Kenderaan Perdagangan (<i>Goods Delivery License - GDL</i>).
2.	Apakah manfaat yang diperoleh oleh peserta sekiranya menyertai Program MyLesen GDL Lori Tahun 2024?	Peserta akan ditawarkan dan dibiayai sepenuhnya untuk menjalani latihan dan ujian sehingga mendapatkan Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas E dan Lesen Vokasional GDL Kelas E Bersendi.
3.	Apakah kelas lesen yang ditawarkan di bawah Program MyLesen GDL Lori Tahun 2024?	Lesen Memandu Malaysia (LMM) Kelas E dan Lesen Vokasional GDL Kelas E Bersendi.
4.	Adakah calon dibenarkan untuk memilih salah satu kelas lesen (E atau GDL bersendi) di bawah Program MyLesen GDL Lori Tahun 2024?	Tidak. Peserta adalah tertakluk kepada syarat program iaitu sehingga memperoleh Lesen Vokasional GDL Kelas E Bersendi.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
5.	Dimanakah calon boleh membuat pendaftaran bagi Program MyLesen GDL Lori Tahun 2024?	Pendaftaran peserta boleh dibuat melalui pautan atau Kod QR seperti dibawah: https://forms.gle/d1amcoZBxwGBNGUQ8 
6.	Apakah syarat kelayakan peserta bagi permohonan Program MyLesen GDL Lori Tahun 2024?	Syarat-syarat Peserta: a) Warganegara Malaysia; b) Berumur 21 tahun dan ke atas; c) Terbuka kepada golongan B40 dan tanggungan; d) Lulus pemeriksaan kesihatan JPJL8A; e) Bebas senarai hitam mahkamah, JPJ atau PDRM; dan f) Mempunyai lesen memandu kelas D (CDL D) melebihi 1 tahun atau lesen memandu Kelas E (CDL E).
7.	Berapakah kos bayaran dikenakan kepada peserta Program MyLesen GDL Lori Tahun 2024?	Tiada bayaran akan dikenakan kerana kos latihan dan ujian adalah dibiayai sepenuhnya oleh pihak Kerajaan.
8.	Adakah kos latihan dan ujian ulangan termasuk dalam pakej Program MyLesen GDL Lori Tahun 2024?	Peserta akan ditanggung untuk menjalani latihan dan ujian ulangan sebanyak satu (1) kali dibawah Program MyLesen GDL Lori Tahun 2024.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
9.	Berapakah kos bayaran yuran ulangan untuk kali kedua atau seterusnya?	Walau bagaimanapun sekiranya peserta membuat ujian ulangan kali kedua, kos latihan dan ujian ulangan akan ditanggung oleh peserta, bergantung kepada kadar fi semasa di Institut Memandu.
10.	Adakah OKU dibenarkan untuk menyertai Program MyLesen GDL Lori Tahun 2024?	Hanya Orang Kurang Upaya (OKU) yang memegang lesen kelas D sahaja yang dibenarkan untuk memohon. Walau bagaimanapun calon perlu mendapat pengesahan pegawai perubatan yang bertauliah (Borang Pemeriksaan Kesihatan JPJL8A).
11.	Adakah peserta yang mempunyai lesen memandu kelas DA dibenarkan untuk mengikuti Program MyLesen GDL Lori Tahun 2024?	Tidak. Hanya pemegang lesen memandu kelas D (tempoh sekurang-kurangnya satu (1) tahun) sahaja yang dibenarkan untuk mengikuti program ini.
12.	Adakah pemegang Lesen GDL E Kejur dibenarkan untuk menyertai Program MyLesen GDL Lori Tahun 2024 bagi mendapatkan Lesen GDL E Bersendi?	Ya, dibenarkan.

BIL	SOALAN	JAWAPAN								
13.	Berapa lamakah tempoh masa yang diperlukan oleh setiap peserta untuk menjalani latihan dan ujian memandu bagi Program MyLesen GDL Lori Tahun 2024?	<p>Peserta perlu menjalani kesemua modul kursus, latihan dan ujian memandu mengikut tempoh masa dan prosedur yang telah ditetapkan oleh JPJ sebelum lesen E dan GDL E Bersendi dikeluarkan mengikut situasi berikut:</p> <table border="1" data-bbox="1010 360 1951 1393"> <thead> <tr> <th data-bbox="1010 360 1350 400">Kelas Lesen</th> <th data-bbox="1350 360 1951 400">Masa</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="1010 400 1350 794">D</td> <td data-bbox="1350 400 1951 794"> <ul style="list-style-type: none"> • Tambah Kelas CDL E <ul style="list-style-type: none"> ○ Peringkat 1 (Pra L) 6 Jam; ○ Peringkat 2 (Praktikal) 8 Jam; ○ Peringkat 3 (Pra Ujian) 2 Jam; ○ Ujian Praktikal 2 Jam • Tambah GDL E Bersendi <ul style="list-style-type: none"> ○ Teori 7 Jam ○ Latihan Praktikal 8 Jam ○ Ujian Praktikal 1 Jam </td> </tr> <tr> <td data-bbox="1010 794 1350 1220">D, E1, E2, dan E (ada GDL E Kejur)</td> <td data-bbox="1350 794 1951 1220"> <ul style="list-style-type: none"> • Tambah GDL E Bersendi (JPJL2C Masih Berkuat Kuasa) <ul style="list-style-type: none"> ○ Latihan Praktikal 8 Jam ○ Ujian Praktikal 1 Jam • Tambah GDL E Bersendi (JPJL2C Tidak Berkuat Kuasa) <ul style="list-style-type: none"> ○ Teori 7 Jam ○ Latihan Praktikal 8 Jam ○ Ujian Praktikal 1 Jam </td> </tr> <tr> <td data-bbox="1010 1220 1350 1393">D, E1, E2, dan E (tiada GDL)</td> <td data-bbox="1350 1220 1951 1393"> <ul style="list-style-type: none"> • Tambah GDL E Bersendi <ul style="list-style-type: none"> ○ Teori 7 Jam ○ Latihan Praktikal 8 Jam ○ Ujian Praktikal 1 Jam </td> </tr> </tbody> </table>	Kelas Lesen	Masa	D	<ul style="list-style-type: none"> • Tambah Kelas CDL E <ul style="list-style-type: none"> ○ Peringkat 1 (Pra L) 6 Jam; ○ Peringkat 2 (Praktikal) 8 Jam; ○ Peringkat 3 (Pra Ujian) 2 Jam; ○ Ujian Praktikal 2 Jam • Tambah GDL E Bersendi <ul style="list-style-type: none"> ○ Teori 7 Jam ○ Latihan Praktikal 8 Jam ○ Ujian Praktikal 1 Jam 	D, E1, E2, dan E (ada GDL E Kejur)	<ul style="list-style-type: none"> • Tambah GDL E Bersendi (JPJL2C Masih Berkuat Kuasa) <ul style="list-style-type: none"> ○ Latihan Praktikal 8 Jam ○ Ujian Praktikal 1 Jam • Tambah GDL E Bersendi (JPJL2C Tidak Berkuat Kuasa) <ul style="list-style-type: none"> ○ Teori 7 Jam ○ Latihan Praktikal 8 Jam ○ Ujian Praktikal 1 Jam 	D, E1, E2, dan E (tiada GDL)	<ul style="list-style-type: none"> • Tambah GDL E Bersendi <ul style="list-style-type: none"> ○ Teori 7 Jam ○ Latihan Praktikal 8 Jam ○ Ujian Praktikal 1 Jam
Kelas Lesen	Masa									
D	<ul style="list-style-type: none"> • Tambah Kelas CDL E <ul style="list-style-type: none"> ○ Peringkat 1 (Pra L) 6 Jam; ○ Peringkat 2 (Praktikal) 8 Jam; ○ Peringkat 3 (Pra Ujian) 2 Jam; ○ Ujian Praktikal 2 Jam • Tambah GDL E Bersendi <ul style="list-style-type: none"> ○ Teori 7 Jam ○ Latihan Praktikal 8 Jam ○ Ujian Praktikal 1 Jam 									
D, E1, E2, dan E (ada GDL E Kejur)	<ul style="list-style-type: none"> • Tambah GDL E Bersendi (JPJL2C Masih Berkuat Kuasa) <ul style="list-style-type: none"> ○ Latihan Praktikal 8 Jam ○ Ujian Praktikal 1 Jam • Tambah GDL E Bersendi (JPJL2C Tidak Berkuat Kuasa) <ul style="list-style-type: none"> ○ Teori 7 Jam ○ Latihan Praktikal 8 Jam ○ Ujian Praktikal 1 Jam 									
D, E1, E2, dan E (tiada GDL)	<ul style="list-style-type: none"> • Tambah GDL E Bersendi <ul style="list-style-type: none"> ○ Teori 7 Jam ○ Latihan Praktikal 8 Jam ○ Ujian Praktikal 1 Jam 									

BIL	SOALAN	JAWAPAN
14.	Di manakah peserta perlu menjalani latihan dan ujian memandu bagi memperoleh lesen E dan GDL Bersendi?	<p>Peserta perlu mengikuti latihan dan ujian di Institut Memandu yang telah ditetapkan oleh JPJ sahaja.</p> <p>Penempatan lokasi latihan dan ujian akan ditetapkan berdasarkan lokasi terhampir dengan pilihan peserta.</p>
17.	Adakah peserta dibenarkan untuk bertukar ke Institut Memandu lain setelah berjaya menjalani sebahagian daripada latihan yang ditetapkan atau dibenarkan untuk berhenti daripada meneruskan latihan dan ujian?	<p>Tidak. Peserta perlu menghabiskan latihan dan ujian di Institut Memandu yang didaftarkan dan tidak dibenarkan untuk bertukar ke IM yang lain.</p> <p>Peserta adalah tertakluk kepada syarat-syarat Program yang ditetapkan melalui satu (1) Surat Aku Janji bagi memastikan komitmen peserta terhadap Program yang dilaksanakan.</p>
18.	Adakah peserta perlu menjalani pemeriksaan kesihatan sebelum menyertai Program MyLesen GDL Lori Tahun 2024?	Ya. Pemeriksaan kesihatan perlu dilakukan oleh peserta dengan mengemukakan Borang Pemeriksaan Kesihatan (JPJL8A) yang telah mendapat pengesahan pegawai perubatan yang bertauliah. Hanya peserta yang melepasi tapisan kesihatan sahaja akan dibenarkan untuk menyertai Program ini. Kos bagi pemeriksaan kesihatan adalah di bawah tanggungan peserta sendiri.

BIL	SOALAN	JAWAPAN
19.	Adakah kos-kos lain yang tidak termasuk di dalam pakej yuran Program MyLesen GDL Lori Tahun 2024 akan turut ditanggung oleh pihak Kerajaan?	Tidak. Kos-kos lain seperti pemeriksaan kesihatan, pengangkutan, penginapan dan makan minum sepanjang peserta mengikuti latihan dan ujian memandu perlu ditanggung oleh peserta dan tidak termasuk di dalam pakej yuran pembiayaan.
20.	Apakah yang menyebabkan peserta dikeluarkan daripada menyertai Program MyLesen GDL Lori Tahun 2024?	Apabila peserta gagal untuk menamatkan Program sebelum tempoh yang telah ditetapkan iaitu November 2024.
21.	Bilakah tarikh tutup penyertaan bagi Program MyLesen GDL Lori Tahun 2024?	Tarikh tutup adalah sehingga kuota penyertaan dipenuhi.
22.	Sekiranya terdapat sebarang persoalan berhubung pelaksanaan program ini, apakah sumber yang boleh dirujuk?	Sebarang pertanyaan berhubung pelaksanaan Program MyLesen GDL Lori Tahun 2024 boleh dikemukakan kepada mygdl2024@jpp.gov.my atau 03 - 8892 8714/8693